



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS	:	EKSPRESI KREATIVITI KANAK-KANAK
KOD KURSUS	:	BBD 28903
PROGRAM	:	2 BBR
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA	:	3 JAM
	A)	JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A
	B)	JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN B
ARAHAN	C)	JAWAB DUA (2) SOALAN DI BAHAGIAN C
	D)	KERTAS SOALANINI DISERAHKAN BERSAMA KERTAS JAWAPAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG DUA BELAS(12) MUKA SURAT

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
Peperiksaan Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian
SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SEKOLAH RENDAH)

EKSPRESI KREATIVITI KANAK-KANAK

Kod Kursus: BBD28903

Nama Kursus: _____

No. Matrik: _____

Nama : _____

Tarikh : JANUARI 2014

Masa: 3 jam

**ARAHAN KEPADA CALON:Tandakan
dan hitamkan jawapan pilihan anda.**

Contoh :

A	B	C	D
---	---	---	---


KERTAS JAWAPANINI PERLU DIIKAT
BERSAMA-SAMA KERTAS JAWAPAN
ANDA. SILA PASTIAN NAMA DAN ANGKA
GILIRAN ANDA/NO. MATRIK TELAH
DITULIS.

- | | | | | |
|-----|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|
| 1. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 2. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 3. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 4. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 5. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 6. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 7. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 8. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 9. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 10. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 11. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 12. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 13. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 14. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 15. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 16. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 17. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 18. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 19. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |
| 20. | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D |

BAHAGIAN A**Jawab semua soalan bahagian ini**

- S1. Manakah di antara yang berikut bukan merupakan prinsip Konstruktivisme mengikut pendekatan Bruner?
- A Pengajaran perlu menitikberatkan pengalaman pelajar serta mengikut konteks kesanggupan pelajar untuk belajar (kesediaan)
 - B Pengajaran perlu mengikut struktur atau urutan yang mampu difahami oleh pelajar dengan mudah (organisasi)
 - C Pengajaran perlu dirangka untuk memudah cara penghasilan ilmu (melangkaui maklumat yang dibekalkan oleh guru)
 - D Pengajaran perlu memikirkan mengenai ganjaran-ganjaran kepada pelajar dalam konteks kejayaan pelajar belajar dengan cemerlang (Insentif yang menyokong pembelajaran)
- S2. Apakah hukum di dalam Teori Gestalt yang menyatakan bahawa apabila individu berhadapan dengan pengalaman baru, persepsi individu tersebut adalah tidak teratur?
- A Hukum Pragnaz
 - B Hukum Persamaan (Similarity)
 - C Hukum Keintiman (Proximity)
 - D Hukum Ciri-ciri Bahagian (Membership Character)
- S3. Kebolehan kanak-kanak menguasai konsep pengekalan tentang paduan, nombor, berat dan padatan. Kebolehan ini membantu mereka memahami konsep lain yang lebih rumit seperti susunan. Peringkat ini merujuk kepada
- A Peringkat Deria-Pergerakan (0-2 Tahun)
 - B Peringkat Pra-olahan (2 – 6 Tahun)
 - C Peringkat Pengolahan Konkrit (7 – 11 Tahun)
 - D Peringkat Pengolahan Formal (12 Tahun ke Atas)
- S4. Lima faktor yang menjadi asas kepada individu sihat yang dapat berfungsi dengan sepenuhnya dalam kehidupan ialah keterbukaan kepada pengalaman, cuba menikmati kehidupan yang dialaminya, menghargai diri sendiri, mengamalkan kebebasan dan akhirnya menjadi individu kreatif. Pendapat ini dikemukakan oleh
- A Lowenfeld
 - B Carl Rogers
 - C Calvin W. Taylor.
 - D Ellis Paul Torrance

- S5. **Gambar Rajah S5** di bawah menunjukkan perkembangan kreativiti mengikut perkembangan Kreativiti Fisher .
Nyatakan perkembangan kreativiti yang bertanda 'Y'?



Gambar Rajah S5

- A Peringkat pencarian bahan
 - B Peringkat penerokaan
 - C Peringkat Penjanaan idea
 - D Peringkat penggunaan bahan
- S6. Apabila aktiviti Pendidikan Seni Visual dilakukan dengan menggalakkan eksplorasi dan eksperimentasi terhadap kanak-kanak, ini bermakna bahawa ia menjurus kepada aspek yang berikut;
- A Aspek kognatif
 - B Aspek Fizikal
 - C Aspek kreativiti
 - D Aspek persepsi
- S7. Apakah medium yang paling dominan dan relevan yang diguna pakai oleh kanak-kanak bagi membolehkan mereka berkreativiti dan berkomunikasi serta berekspresi?
- A krayon dan kertas
 - B dakwat basah, kertas dan berus
 - C arang kayu dan kertas surat khabar
 - D warna minyak, akrilik, gauch dan newsprint.
- S8. Dalam tindak balas estetika, kualiti literal atau *imitationalism* merupakan keupayaan pengkarya untuk menghasilkan karya secara realistik melalui peniruan alam sekeliling. Kualiti literal merujuk kepada
- A penghasilan rupa secara abstrak
 - B kemampuan pengkarya menterjemah pemerhatian
 - C karya yang dihasilkan secara imaginasi dan kreativiti
 - D keupayaan pengkarya untuk menghasilkan karya secara realistik melalui peniruan alam sekeliling

- S9. Secara kognitif, penganjuran aktiviti Pendidikan Seni Visual yang tersusun dan terancang dapat melahirkan kanak-kanak yang mempunyai
- A pemahaman budaya
 - B kemampuan berkolaborasi
 - C koordinasi tangan yang baik
 - D keupayaan menyelesaikan masalah
- S10. Aktiviti dan projek di dalam pendidikan seni visual mengutamakan
- A proses
 - B hasilan akhir
 - C pengetahuan budaya
 - D pengembangan kreativiti
- S11. Penghasilan imej seperti pokok, figura manusia, catan dan arca boleh memberikan tafsiran yang dapat membantu ahli psikologi untuk mengenal pasti kanak-kanak yang
- A mempunyai masalah trauma
 - B mengalami masalah bertutur
 - C memiliki kemahiran individu
 - D berbakat dalam bidang seni
- S12. Tujuan kanak-kanak melukis adalah
- I melukis sebagai medium komunikasi
 - II melukis sebagai cara mencapai kepuasan diri
 - III melukis untuk meningkatkan daya penguasaan kendiri
 - IV menunjukkan bakat dalam bidang seni secara literal
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I, II dan III
 - D I, II dan IV
- S13. Penggunaan alat dan bahan memberikan satu bentuk latihan berkesan kepada otot tangan (psychomotor) dan
- A koordinasi tangan serta mata.
 - B kemahiran kognitif dan psikomotor
 - C perkembangan deria dan motor halus
 - D peningkatan imaginasi serta kreativiti kanak-kanak

- S14. Peringkat Membuat Simbol (6-9 Tahun) adalah apabila kanak-kanak mula beralih ke peringkat menghasilkan simbol. Pada peringkat ini, kanak-kanak sangat terpengaruh dengan keadaan sekelilingnya.

Simbol merujuk kepada penghasilan karya dalam bentuk

- A realiti
- B nombor
- C abstrak
- D peniruan budaya

- S15. **Gambar S15** adalah bahan yang digunakan untuk menghasilkan gambar. Apakah teknik yang paling sesuai untuk penghasilan gambar tersebut?



Gambar S15

- A Resis
- B Gosokan
- C Percikan
- D Cetakan

- S16. Apakah objektif tarian seperti yang dinayatakan oleh Chua Kheng Yong, Universiti Utara Malaysia?

- I Sebagai alternatif untuk mengisi masa lapang masyarakat
- II Merakyatkan seni budaya dan warisan k epringkat akar umbi
- III Membantu melahirkan sumber tenaga kerja yang berkualiti dan berdisiplin
- IV Memupuk semangat cintakan seni budaya dan warisan di kalangan remaja dan masyarakat

- A I dan II
- B II dan III
- C I, II dan III
- D I, II, III dan IV

- S17. Tarian ini bermula di Bronx, New York pada era 1970an. Tarian ini memerlukan momentum, kekuatan, keseimbangan badan dan kreativiti yang tinggi serta memiliki muzik dimana ia dikawal oleh seorang DJ. Penari lelaki digelar “*b-boying*” dan penari perempuan pula dipanggil “*g-girling*”.
Namakan jenis tarian yang dinyatakan di atas?
- A Tarian shuffle
 - B Tarian breakdance
 - C Tarian Hip Hop
 - D Tarian senamrobik
- S18. Menurut Kodaly, terdapat tiga turutan konsep dalam pembelajaran literasi bahasa, iaitu
- A peringkat aural->literasi->numerical
 - B peringkat aural->menulis->numerical
 - C peringkat aural->menulis->membaca
 - D peringkat aural->numerical->literasi
- S19. Apakah elemen yang cukup penting yang perlu diberi tumpuan oleh penulis sebelum memulakan penulisan sesuatu skrip?
- I Logik
 - II Fokus
 - III Analogi
 - IV Perwatakan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I, II dan III
 - D I, II dan IV
- S20. Unsur dramatik bermaksud diksi atau
- A ungkapan yang boleh membangunkan konflik dalam drama
 - B suasana beremosi yang ditimbulkan oleh pengkarya
 - C pemikiran pengarang dalam membentuk watak dan perwatakan
 - D sesuatu situasi, latar atau tempat, dan dialog yang akan menyampaikan mesej

**BAHAGIAN B
(40 Markah)**

Jawab **semua** soalan

S1. “Kanak-kanak yang datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah mempunyai kebolehan yang rendah berbanding dengan kanak-kanak sebaliknya” Eisner (1967).

- a. Senaraikan 3 faktor yang menyebabkan kanak-kanak tersebut mempunyai kebolehan yang rendah

i _____

ii _____

iii _____

(6 markah)

- b. Jelaskan konsep-konsep berikut:

- i. Konsep Relativist

(2 markah)

- ii. Konsep Objektivist

(2 markah)

S2. a. Nyatakan kepentingan mempelajari estetika kepada kanak-kanak.

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

v. _____

vi. _____

(6 markah)

b. "Setiap pengalaman pembelajaran sebagai pengalaman estetika," Abdul Shukor Hashim (1991).

Nyatakan dua cara bagaimana guru pendidikan seni visual boleh menggunakan kemahiran ini untuk membantu pelajar memahami hasil karya yang dihasilkan .

i. _____

ii. _____

(4 markah)

- S3. a. Menurut Marta Dinata (2007), "Senam robik adalah serangkaian gerak yang dipilih secara sengaja dengan cara mengikuti irama muzik yang dipilih sehingga melahirkan ketentuan ritma, kesimbungan dan durasi tertentu."

Nyatakan **lima** kepentingan senam robik terhadap kesihatan manusia.

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

v. _____

vi. _____

(5 markah)

- b. "Drama satu bentuk seni sastera untuk mempersembahkan terus perlakonan dan watak manusia menerusi lakonan seseorang di hadapan para penonton.....", **Mustafa Kamal Yasin (1963:23)**,

Nyatakan **lima** ciri-ciri drama yang baik.

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

v. _____

(5 markah)